

KATA SAPAAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI SUKU KAUM SEMAI: KAJIAN KES DI KUALA SENTA, PERAK

GREETINGS AMONG THE INDIGENOUS PEOPLE OF THE SEMAI TRIBE: A CASE STUDY IN KUALA SENTA, PERAK

Mohamad Suhaizi Suhaimi¹
Izznusratina Nur Khalis Mohd Yusof^{2*}
Eris Joshan Chew Ho Beng³

^{1,2} Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, 84600 Muar, Johor

³Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Selangor

msuhaizi@iium.edu.my
izznusratinayusof99@gmail.com*
2220222@al.fateh.upnm.edu.my

Received: 23 Oct 2023 / Revised: 12 Nov 2024
Accepted: 19 Nov 2024 / Published: 20 Dec 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.vi.5769>

ABSTRAK

Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai merupakan kelompok Orang Asli yang terdapat di Malaysia. Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini mempunyai kata sapaan yang tersendiri yang sedikit berbeza dengan masyarakat Melayu. Kata sapaan yang digunakan oleh mereka untuk berkomunikasi dan bertutur dalam kalangan mereka menjadi satu keunikan yang tersendiri yang pastinya mempunyai perbezaan dengan suku kaum bagi masyarakat Orang Asli yang lain. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti variasi kata sapaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai dan menganalisis variasi kata sapaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai berlandaskan Teori Kata Sapaan Ervin-Tripp (1972) menurut Peraturan Alternasi (Alternation Rules). Kajian ini juga telah mengaplikasikan kaedah kualitatif yang memperincikan dapatan data yang itu dengan kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan kaedah keperpustakaan. Teori Kata Sapaan Ervin-Tripp (1972) telah digunakan bagi menganalisis dapatan data dalam usaha mencapai objektif yang ditetapkan oleh pengkaji. Dapatan kajian telah mendapat sebanyak (14) variasi kata sapaan yang diperoleh dalam pertuturan sesama masyarakat Orang Asli suku kaum Semai dan dianalisis mengikut Teori Kata Sapaan Ervin-Tripp (1972) menurut Peraturan Alternasi (Alternation Rules). Hasilnya, penganalisisan kesemua variasi kata sapaan ini bertepatan dengan kategori yang telah diperincikan dengan jitu dan kesemuanya diuraikan dengan jelas pada bahagian dapatan kajian.

Kata kunci: kaum Semai, kata sapaan, masyarakat, komunikasi, peraturan alternasi

ABSTRACT

The Orang Asli community of the Semai tribe is an Orang Asli group found in Malaysia. The Orang Asli community of the Semai tribe has its own greeting that is slightly different from the Malay community. The greeting words used by them to communicate and speak among themselves become a unique thing

of their own which certainly has a difference with other tribes for the Orang Asli community. Therefore, this study aims to identify the variation of greeting words among the Semai tribe's Orang Asli community and analyze the variation of greeting words among the Semai tribe's Orang Asli community based on Ervin-Tripp's Greeting Theory (1972) according to the Alternation Rules. This study has also applied qualitative methods that detail the data obtained with interview methods, observation methods and library methods. Ervin-Tripp's Greeting Theory (1972) was used to analyze data findings in an effort to achieve the objectives set by the researcher. The findings of the study have found as many as (14) variations of greeting words obtained in the speech of the Semai tribe's Orang Asli community and analyzed according to Ervin-Tripp's Greeting Word Theory (1972) according to the Alternation Rules. As a result, the analysis of all these greeting word variations coincides with the categories that have been precisely detailed and all of them are clearly described in the findings section of the study.

Keywords: Semai tribes, greetings, society, communication, alternation rules

PENGENALAN

Kata sapaan merupakan perkara yang penting dalam sesebuah komunikasi serta menjadi pemangkin dalam memastikan sesebuah komunikasi itu berlangsung dengan lancar. Kata sapaan memiliki makna sosial yang penting dalam menyapa, menegur atau melakukan suatu proses bual bicara. Selain itu, kata sapaan mempunyai perbezaan dalam kalangan penutur itu sendiri atau mengikut status sosial masing-masing. Hal ini dapat dikukuhkan lagi oleh Kridalaksana (2004) yang menyatakan bahawa kata sapaan dapat ditakrifkan sebagai morfem, kata atau frasa yang digunakan untuk saling merujuk dalam situasi pertuturan yang berbeza-beza dan berkaitan dengan sifat hubungan antara penutur serta lawan tutur. Dalam konteks ini, dengan adanya kata sapaan, seorang penutur dapat membezakan status sosial mengikut kata sapaan tersebut.

Justeru, perihal ini juga berlaku terhadap masyarakat Orang Asli suku kaum Semai yang pastinya mempunyai perbezaan dalam interaksi sesama individu, golongan yang lebih berkedudukan dan juga ahli keluarga sendiri. Interaksi keluarga sama ada secara individu dalam keluarga, orang tua dengan yang muda atau pun dengan keluarga yang lain, komunikasi harus berjalan dengan sempurna mengikut norma-norma yang terdapat dalam masyarakat (Segrin & Flora, 2011).

Kampung Orang Asli Kuala Senta terletak di Pekan Bidor di Daerah Batang Padang, Perak. Lokasinya yang terletak di kaki Banjaran Titiwangsa terkenal dengan sebuah gunung yang teguh gah berdiri menjadi kebanggaan penduduk tempatan iaitu Gunung Bar Gading. Kampung ini didiami oleh penduduk Orang Asli suku kaum Semai dengan jumlah penduduk seramai 200 hingga 400 orang penduduk. Antara kemudahan asas yang terdapat di kampung ini adalah elektrik, sekolah rendah, jalan kampung yang bertar dan tadika KEMAS.

Kampung ini mempunyai sejarah di sebalik namanya Kuala Senta. Pada abad ke-18 hingga 19, kawasan tersebut belum wujud sebagai sebuah kampung dan penduduk sekitar masih berpindah-randah dan tidak tinggal di satu kawasan secara tetap. Keadaan kawasan perkampungan ini dipenuhi dengan kebun ubi kayu yang diusahakan oleh pekebun Cina.

Pada pertengahan zaman 80-an, seorang pesara polis iaitu Bah Ali A/L Kinchong telah datang semula ke kawasan kebun ubi kayu ini untuk melawat semula tempat beliau dilahirkan iaitu di Cebark Sentar yang membawa maksud Latar Senta. Lokasi tersebut memiliki sebuah air terjun yang mengalir jernih. Air terjun ini adalah sangat penting kepada semua orang yang tinggal di sekitar itu berikutan dijadikan sebagai sumber air, tempat bermandi – manda dan mencari hasil sungai seperti ikan, udang sungai dan katak sungai sebagai sumber makanan harian.

Nama Kuala Senta diperoleh bersempena dengan lokasi perkampungan tersebut yang terletak di kuala air terjun tersebut. Maka, Bah Ali A/L Kinchong telah menamakan nama air terjun tersebut

bersempena dengan tempat asalnya dan tempat beliau dilahirkan. Beliau telah memajukan kampung tersebut melalui bantuan dan peruntukkan dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (kini Jabatan Kemajuan Orang Asli) untuk membina perumahan, mendapatkan bekalan elektrik, air yang bersih dan kemudahan pendidikan peringkat sekolah rendah. Justeru, kajian ini berfokus kepada 10 orang responden yang terdiri daripada kalangan masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai bagi mengenal pasti dan menganalisis variasi kata sapaan dalam kalangan mereka di Kg. Kuala Senta, Bidor, Perak.

PERNYATAAN MASALAH

Kata sapaan menjadi penanda sosial seseorang dalam sebuah komunikasi. Selain itu, kata sapaan dianggap unik berikutan penggunaannya berbeza mengikut masyarakat masing-masing. Kajian daripada Nurul Ain Alizuddin dan Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2020), Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019) serta Reniwati dan Ab Razak Ab. Karim (2015) melibatkan kata sapaan dalam kad undangan perkahwinan, masyarakat Orang Asli Che Wong serta masyarakat Minangkabau.

Namun begitu, tiada lagi kajian yang meneliti kata sapaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai. Jika kata sapaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai tidak dikaji, maka para penutur cenderung untuk menimbulkan salah faham semasa proses komunikasi sedang berlangsung. Hal ini diperkuatkan dengan kenyataan oleh Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2019) iaitu jika seseorang tidak menggunakan kata panggilan yang bersesuaian dengan keadaan, peringkat umur dan status, perasaan kurang selesa semasa berkomunikasi boleh tercetus dan mampu merencatkan sesebuah perbualan.

TEORI ERVIN-TRIPP (1972)

Menurut Ervin-Tripp (1972), terdapat tiga peraturan dalam penggunaan kata sapaan, iaitu Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*), Peraturan Kejadian Bersama (*Co-Occurrence Rules*) dan Peraturan Perurutan (*Sequencing Rules*). Namun, kajian ini hanya mengambil Peraturan Alternasi untuk diaplikasikan dalam data kajian yang dipilih. Peraturan Alternasi ialah cara menyapa seseorang berdasarkan faktor yang mempengaruhinya seperti faktor sosial pihak lawan bicara iaitu latar status, pangkat sosial, jenis-jenis gelaran, usia dan keakraban hubungan.

Kata Sapaan Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai

Penggunaan kata sapaan dalam konteks berkomunikasi membawa pengaruh besar terhadap penutur dan lawan tutur. Perihal ini tiada bezanya dengan masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai yang juga mempunyai penggunaan kata sapaan dalam kalangan kaum mereka sendiri. Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan dapatan bagi kata sapaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Orang Asli Suku Kaum Semai secara terperinci dan jitu.

Kata Sapaan untuk Bapa

Penduduk Orang Asli suku kaum Semai mempunyai kata panggilan yang tersendiri yang sedikit berbeza dengan masyarakat Melayu. Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menyapa bapa mereka dengan panggilan apak. Penggunaan kata sapaan apak menunjukkan satu penghormatan kepada ketua keluarga yang semestinya perlu dihormati tanpa sebarang penafian. Berikut adalah contoh jadual bagi dapatan kata sapaan untuk bapa.

Jadual 1: Kata Sapaan untuk Bapa

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Apak [apa?]	Bapa

Kata sapaan apak ini juga menjadi simbolik panggilan kepada bapa dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun sebagai panggilan mesra yang boleh mengeratkan perhubungan sesebuah kekeluargaan terutamanya dalam kalangan masyarakat suku kaum semai.

Penggunaan kata sapaan apak ini tidaklah menjadi janggal atau menimbulkan kebingungan jika digunakan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai kerana penggunaan kata sapaan ini amat mesra dan memudahkan interaksi sesama kaum keluarga terutamanya bapa dalam sebarang urusan mahupun pergaulan kekeluargaan mereka.

Kata Sapaan untuk Ibu

Ibu merupakan tunjang kebahagiaan dan penguat keutuhan sesebuah ikatan kekeluargaan terutamanya hubungan antara anak dan bapa. Ibu sudah pastinya menjadi rujukan dan penyampai lisan antara seorang anak dengan ketua keluarga iaitu bapa. Jika dikaji mengenai kata sapaan untuk ibu dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai, mereka menggunakan amek sebagai sapaan kepada ibu mereka. Panggilan amek ini merupakan sapaan yang menzahirkan rasa sayang yang tiada tandingnya. Kata sapaan amek ini juga menjelaskan bahawa takhta kedudukan ibu di hati masyarakat Orang Asli suku kaum Semai adalah antara yang tertinggi. Berikut adalah contoh jadual bagi dapatan kata sapaan untuk ibu.

Jadual 2: Kata Sapaan untuk Ibu

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Amek [amE?]	Ibu

Masyarakat Melayu menyapa ibu dengan kata sapaan ibu, mak, mama dan mommy. Masyarakat Orang Asli suku Kaum Semai menggunakan kata sapaan yang sedikit berbeza tetapi membawa maksud yang sama iaitu amek. Namun begitu, kata sapaan yang digunakan masih membawa kepada tujuan yang sama iaitu menyapa ibu dengan panggilan yang terbaik dan terhormat.

Kata Sapaan dalam Kalangan Adik-beradik

Setiap manusia mestilah dapat berkomunikasi dengan baik agar niat dan matlamat dalam berkomunikasi dapat disampaikan dan ini tidak boleh dipisahkan daripada konteks pertuturan. Konteks pertuturan yang dimaksudkan melibatkan penutur dan rakan tutur, masa, tempat dan situasi (Diko Saputra, 2022). Dalam konteks ini, adik beradik juga wajar mempunyai kata sapaan yang tersendiri yang bersesuaian dengan hubungan penutur serta lawan tutur dalam mencapai kesepakatan komunikasi yang jitu. Kata sapaan bukanlah perihal yang boleh digunakan sewenang-wenangnya terutama sekali jika melibatkan peradaban kaum dan sebagainya. Berikut adalah contoh jadual bagi dapatan kata sapaan dalam kalangan adik-beradik.

Jadual 3: Kata Sapaan dalam Kalangan Adik-beradik

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Tenek [TEnE?]	Abang/ kakak
Menang [mEnaq]	Adik

Dalam konteks kata sapaan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai dalam kalangan adik-beradik ialah tenek untuk abang dan kakak dan menang ialah kata sapaan bagi adik. Keunikannya kata sapaan bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini adalah penggunaan bahasa kata sapaannya yang sedikit berbeza dengan masyarakat Melayu. misalnya, dalam masyarakat Melayu, panggilan bagi adik-beradik adalah mengikut turutan. Misalnya, panggilan mesra dalam menyapa adik-beradik adalah along, angah, acik, alang, acu. Namun demikian, dalam masyarakat Orang Asli suku kaum Semai cuma mempunyai satu kata sapaan bagi abang serta kakak dan satu kata sapaan bagi adik dan ini menjadikan kata sapaan bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini unik dengan kata sapaan dalam komunikasi mereka sendiri.

Kata Sapaan untuk Datuk

Komunikasi dan interaksi berkait rapat dalam menghasilkan satu perbualan yang berkesan. Setiap pertuturan pastinya memerlukan sapaan dari penutur dan lawan tutur. Kata sapaan yang seseorang gunakan amat mempengaruhi komunikasi yang berlaku tidak kira secara langsung maupun secara tidak langsung. Seterusnya, apabila menyingkap perihal komunikasi dan kata sapaan, ahli keluarga sendiri tidak terlepas dalam proses komunikasi. Ahli keluarga yang menggunakan kata sapaan sudah pasti tiada batasan umur tidak kira tua atau muda, sihat atau sakit, kata sapaan menjadi tunjang kepada sesuatu komunikasi itu berjalan seiring dengan kehendak penutur serta lawan tutur. Berikut adalah contoh jadual bagi dapatan kata sapaan untuk datuk.

Jadual 4: Kata Sapaan untuk Datuk

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Pakjob [PakjOb]	Datuk

Penggunaan kata sapaan bagi datuk dalam kalangan masyarakat Melayu ialah datuk, atok dan tokwan. Kata sapaan untuk datuk bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Semai hasil temubual bersama responden, mereka menyapa datuk mereka dengan kata sapaan pakjob. Kata sapaan ini digunakan oleh semua golongan tidak kira cucu, menantu yang ingin menyapa datuk mereka, mereka akan menggunakan kata sapaan pakjob. Kata sapaan ini adalah kata sapaan yang digunakan dengan penuh rasa penghormatan terhadap golongan yang lebih berusia. Oleh itu, keunikan penggunaan variasi kata sapaan terutamanya dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai mampu menjadikan sesuatu komunikasi dan interaksi kekeluargaan lebih akrab, selesa dan mudah difahami.

Kata Sapaan untuk Nenek

Kata sapaan dalam kalangan masyarakat Melayu bagi nenek ialah nenek, maktok, tok. Berdasarkan dapatan melalui temu bual yang dilakukan terhadap masyarakat Orang Asli suku kaum Semai, nenek disapa dengan kata sapaan ajok/ amekjop. Panggilan bagi nenek ini adalah kata sapaan tradisional yang tidak asing dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai.

Kata panggilan ataupun kata sapaan yang digunakan ini menjadi pegangan kukuh dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai dan tidak pernah wujudnya rasa kekok dalam berkomunikasi maupun menyapa nenek mereka dengan kata sapaan ajok/ amekjop. Berikut adalah contoh jadual bagi dapatan kata sapaan untuk nenek.

Jadual 5: Kata Sapaan untuk Nenek

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Ajok/ amekjop [ajOk']/ [amEkjOp']	Nenek

Berdasarkan kepada temu bual yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji ada bertanyakan sama ada terdapat kata sapaan lain bagi nenek dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini. Melalui pengamatan pengkaji, tiada kata sapaan lain yang digunakan dalam kalangan mereka untuk menyapa nenek mereka. Mereka setia kepada dua kata sapaan iaitu ajok/ amekjop.

Kedua-dua kata sapaan ini digunakan tanpa ada syarat-syarat tertentu untuk menyapa atau berkomunikasi dengan nenek mereka. Kedua-dua penggunaan kata sapaan ini digunakan mengikut kesesuaian dan keselesaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai itu sendiri untuk menyapa mahupun berinteraksi dengan nenek mereka. Jelaslah, masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini setia dalam konteks penggunaan kata sapaan dalam menghasilkan suatu interaksi yang jelas dan berkesan terutamanya dalam kalangan salasilah kekeluargaan itu sendiri.

Kata Sapaan untuk Bapa dan Ibu Saudara

Sistem kekeluargaan masyarakat Orang Asli dapat dibahagikan kepada dua kumpulan besar iaitu sistem kekeluargaan mengikut Adat Perpatih dan sistem kekeluargaan Adat Temenggung. Dalam adat perpatih, terdapat empat kategori keluarga iaitu keluarga sedarah nisab ibu, keluarga kedim, keluarga sedarah sebelah bapa dan keluarga semenda. (Nordin Selat 1976 dlm. Amat Juhari Moain 1989). Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menggunakan bahasa sapaan yang berbeza bagi bapa saudara yang lebih tua dan bapa saudara yang lebih muda. Berikut adalah contoh jadual bagi kata sapaan untuk bapa dan ibu saudara.

Jadual 6: Kata Sapaan untuk Bapa dan Ibu Saudara

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Kej [kej]	Bapa saudara lebih tua
Bah [Baf]	Bapa saudara lebih muda
Mok [mO?]	Ibu saudara lebih tua
Wak [wa?]	Ibu saudara lebih muda

Berdasarkan dapatan melalui temu bual yang pengkaji lakukan, masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menggunakan kata sapaan Kej bagi bapa saudara yang lebih tua dan Bah bagi bapa saudara yang lebih muda. Kata sapaan bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini sedikit berbeza dengan masyarakat Melayu yang hanya mempunyai perturutan bagi bapa saudara bermula dari yang lebih tua kepada yang lebih muda iaitu Pak Long, Pak Ngah, Pakcik, Pak Njang, Pak Ndak dan Paksu.

Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menggunakan kata sapaan Mok bagi ibu saudara yang lebih tua dan Wak bagi ibu saudara yang lebih muda. Masyarakat Melayu menggunakan kata sapaan yang bervariasi mengikut usia yang bermula dari yang paling berusia dengan panggilan Mak Long, Mak Ngah, Makcik, Mak Njang, Mak Ndak dan maksu. Justeru, istimewanya penggunaan kata sapaan bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini di mana mereka tiada panggilan mengikut turutan usia dan cuma ada dua bagi bapa saudara yang lebih tua serta lebih muda dan dua kata sapaan bagi ibu saudara yang lebih tua serta lebih muda. Oleh itu, dapat dilihat di sini masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini setia kepada bahasa penggunaan kata sapaan dalam kalangan mereka.

Kata Sapaan Berdasarkan Perkahwinan

Perkahwinan menjadikan sesebuah keluarga itu akan berkembang menjadi lebih besar dengan penyatuan dua insan yang mengeratkan ukhwah terjalinnya dua keluarga besar dari nasab keturunan yang berbeza namun mempunyai keserasian dari segi fahaman, pemikiran dan intelektual. Menurut Wimalesena (2016), asas sesuatu perkahwinan telah didefinisikan sebagai perhubungan antara lelaki dan perempuan dan perhubungan biologikal untuk berpasangan dan pembiakan. Berikut adalah contoh jadual bagi dapatan kata sapaan berdasarkan perkahwinan.

Jadual 7: Kata Sapaan Berdasarkan Perkahwinan

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Mengsaú [meŋsa ^w]	Menantu
Menai [mena᷑]	Abang ipar/ kakak ipar

Analisis terperinci yang dilakukan oleh pengkaji mendapati kata sapaan berdasarkan perkahwinan juga mempunyai kata sapaan yang tersendiri dan variasi keunikannya yang tersendiri iaitu di mana masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menggunakan kata sapaan Mengsau untuk menyapa dan berkomunikasi dengan menantu. Selain itu, kata sapaan Menai digunakan untuk memanggil mahupun menyapa abang ipar dan kakak ipar. Penggunaan kata sapaan ini amat unik kerana mempunyai panggilan khas yang tersendiri yang berperanan dalam membahasakan diri sewaktu berkomunikasi antara satu sama lain. Jika dilihat dari sudut masyarakat Melayu, tiada kata sapaan khas bagi menantu, abang ipar dan kakak ipar. Oleh itu, variasi sapaan yang pengkaji peroleh dari kajian kata sapaan berdasarkan perkahwinan ini juga membuktikan bahawa kata sapaan yang mesra ini amat berperanan dalam memastikan keakraban dan rasa penerimaan seseorang dalam kalangan keluarga pasangan itu sendiri terutamanya dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai.

Kata Sapaan Umum

Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (2022), taburan penduduk suku kaum Semai adalah di kawasan Banjaran Titiwangsa, Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Peningkatan jumlah suku kaum Semai telah meningkat lebih daripada 42,000 orang berdasarkan bancian pada tahun 1993. Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai adalah kelompok masyarakat yang hidup bermasyarakat dan statistik menunjukkan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai adalah masyarakat yang terbesar jumlah berbanding masyarakat Orang Asli suku kaum lain. Berikut adalah contoh dapatan bagi kata sapaan umum.

Jadual 8: Kata Sapaan Umum

Bahasa Semai (Fonetik Glotis)	Bahasa Melayu Standard
Babek [babEk']	Orang asing/ orang luar

Teori sapaan Ervin-Tripp (1972) menjadi modus utama yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis keseluruhan data bagi dapatan objektif 2 kajian. Peraturan Alternasi (Alternation Rules) melibatkan beberapa pemilihan gaya bicara yang bersifat alternatif. Gaya bicara bagi Peraturan Alternasi ini lebih menfokuskan kepada variasi kata sapaan yang mempunyai alternasi bagi penggunanya. Kategori sosial yang menjadi implementasi dalam Teori Ervin-Tripp (1972) bagi Peraturan Alternasi ini ialah situasi yang ditandai dengan beberapa kategori iaitu Status (Status Market Setting), Pangkat (Rank), Perangkat Identiti (Identity Set), Dewasa (Adult), Generasi Terdahulu (Ascending Generation) dan Lebih Tua (Older).

Sistem Sapaan: Aspek Panggilan Hormat

Komunikasi menjadi suatu perkara yang amat memainkan peranan dalam kehidupan setiap manusia. Komunikasi amat diperlukan tidak kira dalam apa jua keadaan sama ada dalam dunia pekerjaan, pergaulan sesama individu mahupun perbincangan yang memerlukan penjelasan yang jelas. Namun, adat Melayu amat mementingkan kesantunan dalam bertutur mahupun berkomunikasi antara satu sama lain. Kesantunan dalam berkomunikasi menjadi perkara yang perlu dititikberatkan bagi menjamin keberkesanan komunikasi seseorang dalam mencapai konteks dan aturan dalam komunikasi yang diujarkan. Komunikasi juga perlu menitikberatkan kehormatan dalam konteks menjaga air muka antara satu sama lain semasa berkomunikasi.

Perkara berkaitan kesantunan ini tidak lain tidak bukan pastinya melibatkan air muka setiap individu yang mempraktikkan komunikasi. Hal ini jelas dibuktikan melalui teori Brown dan Levinson (1978, 1987) yang mengutarakan andaian-andaian bahawa setiap individu yang kompeten mempunyai air muka dan menyedari bahawa individu yang lain juga mempunyai air muka. Konsep air muka bermaksud imej diri penutur di tempat awam (public self-image). Sebarang lakuhan bahasa yang mengundang risiko kepada air muka dikenali sebagai lakuhan yang mengancam air muka atau face threatening act (Brown dan Levinson, 1978, 1987). Hal ini jelas membuktikan bahawa penjagaan air

muka individu lain semasa berkomunikasi merupakan perkara penting yang pastinya perlu dititikberatkan agar tidak melanggari konsep kesantunan yang sewajarnya.

Penggunaan Gelaran dalam Sistem Kekeluargaan

(a) Apak dan Amek

Pengkaji mendapati masyarakat Orang Asli suku kaum Semai mempunyai gelaran yang tersendiri dalam sistem kekeluargaan mereka. Mereka mempunyai kata panggilan yang dipanggil sebagai kata panggilan Kekeluargaan Inti. Kekeluargaan Inti meliputi datuk, nenek, ibu, bapa, anak, adik-beradik dan keluarga besar seperti ibu bapa, menantu, abang ipar, kakak dan abang ipar. Contohnya, dalam kata sapaan bagi bapa yang disapa sebagai Apak dan ibu yang disapa sebagai Amek dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai.

Jika dianalisis mengikut Teori Kata Sapaan Ervin-Tripp (1972) menurut Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*), Apak dan Amek ini termasuk dalam kategori yang ditandai sebagai lebih tua (*older*). Dalam konteks ini, pengkaji dengan jelas dapat melihat bahawa kategori ini membuktikan bahawa sapaan bagi golongan yang lebih tua (*older*) ini merupakan aspek panggilan hormat yang paling berhemah dan mempunyai gelaran yang tersendiri bagi menyapa mahupun berkomunikasi dalam memvariasikan lagi kata sapaan serta panggilan sesame mereka dan tidak melebihi batas ketidaksopanan dalam berinteraksi dengan golongan yang lebih berusia ataupun seperti kategori yang ditandai oleh Ervin-Tripp (1972) iaitu lebih tua (*older*).

(b) Tenek dan Menang

Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menyapa mahupun memanggil abang dan kakak mereka dengan panggilan Tenek dan kata sapaan yang digunakan untuk menyapa adik mereka ialah Menang. Berdasarkan Teori yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1972), Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*) menjelaskan bahawa kata sapaan bagi Tenek dan Menang ini termasuk dalam kategori Dewasa (Adult). Pengkaji akan berbalik pada dapatan pengkaji yang memaktubkan kepada aspek panggilan hormat yang berkesinambungan dengan aspek penggunaan gelaran dalam sistem kekeluargaan. Golongan dewasa (Adult) ialah golongan yang juga dihormati dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai. Seterusnya, masyarakat Orang Asli suku kaum Semai menganggap adik-beradik juga mempunyai hak untuk dihormati dan tidak boleh dipanggil dengan kata sembarang yang boleh menguris hati mahupun menimbulkan rasa ketidakpuasan hati semasa bertutur antara satu sama lain. Oleh itu, penilitian yang dilakukan oleh pengkaji membuktikan bahawa gelaran mesra yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini juga bertitik tolak dengan aspek penghormatan yang utama dalam berkomunikasi dan menunjukkan bahawa adab pertuturan mereka dalam berkomunikasi menjadikan mereka bernilai dalam kalangan masyarakat.

(c) Pakjob dan Ajok/Amekjop

Pakjob ialah kata sapaan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai bagi menyapa datuk dan kata sapaan Ajok/Amekjop ialah kata sapaan bagi menyapa mahupun memanggil nenek. Penganalisisan berdasarkan Teori Ervin-Tripp (1972) berpandukan kepada Peraturan Alternasi dapat menghuraikan bahawa kata sapaan ini adalah termasuk kategori Generasi Terdahulu. Melalui pengamatan pengkaji berlandaskan Teori Ervin-Tripp (1972) serta bertitik tolak dari Peraturan Alternasi, datuk dan nenek merupakan golongan yang berusia dan gaya pemikiran serta fahaman mereka agak berbeza dengan generasi hari ini. Pemikiran dan asas penerapan budaya yang berbeza mengikut peredaran zaman menjadikan datuk dan nenek ini termasuk dalam kategori Generasi Terdahulu.

Namun, masyarakat Orang Asli suku kaum Semai yang hari ini terdedah dengan banyak anjakan paradigma termasuk dari segi intelektual dan gaya pemikiran memberi ruang kepada mereka untuk lebih bersikap terbuka dan tidak berdiri statik dengan pemikiran budaya golongan Generasi Terdahulu. Walau

bagaimanapun, masyarakat Orang Asli suku kaum Semai tidak pernah hilang rasa hormat dan masih memegang erat dengan pesanan Pakjob dan Ajok/Amekjop mereka kerana mereka juga menyedari Pakjob dan Ajok/Amekjop mereka sudah menjalani kehidupan jauh lebih lama dari mereka. Oleh itu, jelas dapat dilihat di sini dari sudut Teori Ervin-Tripp (1972) berpandukan Peraturan Alternasi iaitu kata sapaan bagi Pakjob dan Ajok/Amekjop ini bertepatan dengan konteks kategori Generasi Terdahulu dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai.

(d) Kej dan Mok

Kej ialah kata sapaan bagi pakcik yang lebih tua dari ibu bapa dan Mok ialah kata sapaan bagi makcik yang lebih tua daripada ibu bapa. Berdasarkan kepada Teori Ervin-Tripp (1972) berpandukan Peraturan Alternasi (Alternation Rules), Kej dan Mok ini boleh dikategorikan sebagai Lebih Tua (Older). Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai mempunyai perbezaan dari segi kata sapaan bagi bapa dan ibu saudara yang lebih tua daripada ibu bapa mereka. Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai sentiasa berpaksikan kepada penghormatan dalam berinteraksi. Oleh itu, ibu dan bapa saudara yang lebih tua daripada ibu bapa mereka juga akan dihormati sama seperti mereka menghormati ibu bapa mereka.

Kata sapaan ini mungkin terlihat biasa tetapi apabila sesuatu komunikasi itu berlangsung, masyarakat Orang Asli suku kaum Semai amat peka dengan kata sapaan yang tepat dalam berkomunikasi. Terbuktilah, analisis yang dilakukan terhadap kata sapaan bagi Kej dan Mok menepati kategori Lebih Tua (Older) oleh Peraturan Alternasi (Alternation Rules) mengikut Teori Sapaan yang dikemukakan oleh Ervin-Tripp (1972) dalam mengklasifikasikan penstrukturkan penggunaan kata sapaan bagi bapa dan ibu saudara yang lebih tua daripada ibu bapa mereka dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai.

(e) Bah dan Wak

Bah dan Wak ialah kata sapaan yang bukan lagi menjadi sesuatu yang asing bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Semai. Kepelbagaiannya kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini menjadikan bahasa sapaan mereka mempunyai keunikan yang tersendiri dan menjadi kosa kata yang baru bagi pengkaji yang mengkaji berkaitan kata sapaan dalam kalangan masyarakat mereka. Penggunaan kata sapaan Bah dan Wak dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai bertujuan untuk menyapa pakcik atau bapa saudara yang lebih tua daripada ibu bapa mereka dan kata sapaan Wak adalah bertujuan untuk menyapa ibu saudara dan makcik mereka yang lebih muda daripada ibu bapa mereka.

Penganalisisan secara terperinci telah dilakukan oleh pengkaji untuk melihat sama ada terdapat perkaitan atau tidak dengan Teori Ervin-Tripp (1972) mengikut Peraturan Alternasi (Alternation Rules) berkaitan kategori kata sapaan bagi Bah dan Wak ini. Setelah diselusuri dengan penuh kepekaan, pengkaji mendapatkan bahawa kata sapaan Bah dan Wak ini termasuk dalam kategori Dewasa (Adult) di mana tahap penghormatan tetap sama dan tidak terkurang sedikit pun oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Semai jika ingin mengadakan interaksi dengan Bah dan Wak ini. Melalui temu bual yang perngkaji lakukan dengan responden, responden ada menyatakan bahawa ramai dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai ini yang mempunyai hubungan akrab dengan Bah dan Wak mereka. Hal ini demikian kerana mereka merasa lebih mesra untuk berkomunikasi dan berkongsi cerita tanpa sebarang ketakutan dan golongan Bah dan Wak ini berjiwa lebih muda dan mereka lebih selesa untuk berinteraksi tanpa rasa dihakimi dan merasakan jiwa mereka begitu difahami. Oleh itu, penganalisisan yang dilakukan ini jelas menunjukkan bahawa Dewasa (Adult) tidak menjadi penghalang dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai dalam menyapa antara satu sama lain walaupun dalam kalangan usia yang berbeza-beza.

(f) Mengsau dan Menai

Perkahwinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai telah meluaskan lagi jaringan mausia dalam kalangan suku kaum tersebut. Perkahwinan yang terjalin telah menambahkan lagi generasi dalam sistem kekeluargaan mereka. Sistem kekeluargaan pastinya mempunyai sapaan yang tersendiri sama seperti

masyarakat Orang Asli suku kaum Semai. Mengsau ialah kata sapaan bagi menantu dan Menai ialah kata sapaan bagi abang dan kakak ipar.

Peraturan Alternasi (Alternation Rules) yang dikemukakan oleh Teori Sapaan Ervin-Tripp (1972) bertepatan dengan kategori bagi kata sapaan Mengsau dan Menai iaitu Dewasa (Adult). Dewasa dikategorikan sebagai golongan yang sudah pasti mampu memberi alternasi kepada lawan tuturnya sama seperti kata sapaan Mengsau dan Menai yang tertuju untuk memanggil atau menyapa menantu serta kakak dana bang ipar. Seseorang yang baru memasuki satu keluarga baru sudah pasti ada rasa untuk diterima dan berhubungan mesra dengan keluarga pasangan baru. Oleh itu, kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat Orang Asli ini membuatkan mereka tiada jurang dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Alternasi yang terwujud dari kategori Dewasa (Adult) ini membuktikan kajian ini mencapai objektif 2 yang berlandaskan Teori Sapaan Ervin-Tripp (1972) menurut Peraturan Alternasi (Alternation Rules).

(g) Babek

Panggilan umum pada seseorang ialah sesuatu yang biasa namun jika ada panggilan mahupun kata sapaan bagi seseorang dalam kalangan suku kaum tertentu menjadikan ianya sesuatu yang unik dengan bahasanya yang tersendiri. Masyarakat Orang Asli suku kaum Semai mempunyai satu kata sapaan khas bagi orang mahupun individu yang memasuki kawasan mereka iaitu dengan kata panggilan Babek. Kata sapaan Babek ini ialah kata sapaan bagi orang asing ataupun lebih dikenali sebagai orang yang bukan tergolong dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai.

Kata sapaan Babek jika dianalisis mengikut Teori Sapaan Ervin-Tripp (1972) menurut Peraturan Alternasi (Alternation Rules) dikategorikan dalam kategori Status (Status Market Setting) kerana pada pandangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai, orang asing (Babek) ini tiada perkaitan dengan adat mahupun budaya mereka dan sudah pasti orang asing (Babek) ini mempunyai status mereka sendiri dan mempunyai ketepatan kategori dalam penganalisisan kata sapaan dalam menepati Teori Sapaan Ervin-Tripp (1972) dari sudut Peraturan Alternasi.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kedua-dua objektif yang telah pengkaji tetapkan, pengkaji mencapai kedua-duanya tanpa penafian di mana pada objektif pertama, pengkaji mendapat bahawa terdapat variasi kata sapaan yang unik dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai. Contohnya, apak, amek, tenek, menang, pakjob, ajok/amekjop, kej, bah, mok, wak, mengsau, menai dan babek. Kajian lepas yang telah pengkaji jadikan sebagai rujukan bertepatan dengan dapatan kajian yang pengkaji lakukan.

Di samping itu, bagi objektif kedua, pengkaji telah berjaya menganalisis variasi kata sapaan dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai berlandaskan Teori Kata Sapaan Ervin-Tripp (1972) menurut Peraturan Alternasi (*Alternation Rules*) dan kategori sosial yang menjadi implementasi dalam Teori Ervin-Tripp (1972) bagi Peraturan Alternasi ini ialah situasi yang bertandai dengan beberapa kategori iaitu Status (*Status Market Setting*), Pangkat (*Rank*), Perangkat Identiti (*Identity Set*), Dewasa (*Adult*), Generasi Terdahulu (*Ascending Generation*) dan Lebih Tua (*Older*).

RUJUKAN

Amat Juhari Moain. (1989). *Sistem panggilan dalam bahasa Melayu: Suatu analisis sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: DBP

Brown, D. & P. Levinson (1987). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.

Dika Saputra (2022). Kata Sapaan Penanda Kekerabatan dalam Bahasa Serawa di Desa Padang Peri Kecamatan Semidang Alas Maras Kabupaten Seluma. Tesis, Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2022). Statistik masyarakat Orang Asli Semai. Diperoleh daripada <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>

Kridalaksana Harimuti. (2008). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia.

Nurul Ain Alizuddin & Nik Nur Athirah Nik Mohd Arif (2020). Analisis sistem sapaan dalam kad undangan perkahwinan Melayu. *Jurnal pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31(2), 175-194.

Reniwati & Ab Razak Ab. Karim. (2015). Kata sapaan separa rasmi dalam masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 kota dan daerah Rembau: Suatu kajian perbandingan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 3(2), 63 – 70.

Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong. (2019). Komunikasi antara keluarga: bentuk panggilan kekeluargaan masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu*, 18(2), 100-117.

Wimalasena, N. A. (2016). An analytical study of definitions of the Term “Marriage”. *International Journal of Humanities and Social Science*, 6(1), 166-174.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Bahasa dalam realiti kehidupan dan realiti kehidupan dalam bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 34(2), 338-353.